

**DATE:** 7 JUNE 2012  
**PUBLICATION:** NEW SABAH TIMES (BM)  
**SECTION:** GENERAL  
**PAGE:** 7  
**HEADLINE:** SC MINTA SYARIKAT SEDIAKAN PIHAK BERKEPENTINGAN  
AKSES LEBIH LUAS DAPATKAN MAKLUMAT  
**CATEGORY:** COMPANY NEWS  
**MEASUREMENT:** 87.00 CM<sup>2</sup>

## SC minta syarikat sediakan pihak berkepentingan akses lebih luas dapatkan maklumat

**KUALA LUMPUR:** Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia menyeru syarikat-syarikat supaya membuka dengan luas akses mendapatkan maklumat kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

Pengerusinya, Datuk Ranjit Ajit Singh berkata ini boleh dilakukan dengan mematuhi amalan ketelusan dan mengedarkan pendedahan maklumat yang lengkap, bermakna dan kena pada masanya.

Sebagai pengawal atur, katanya SC tidak suka memperkenalkan lebih banyak peraturan.

Bagaimana pun, ia akan memantau dengan rapi amalan dan pendedahan tersebut dan menjadikannya satu keutamaan memastikan persaingan dilakukan sama rata dengan me-

astikan para pelabur mempunyai akses yang mudah dan kena pada masanya bagi mendapatkan maklumat, katanya.

“Pendedahan yang dibuat sepatutnya tidak menyumbang kepada kekeliruan kepada pasaran malah menyediakannya dengan penjelasan yang perlu mengenai perniagaan dan kewangan syarikat berkenaan,” katanya semasa menyampaikan ucapan pada Majlis Penyampaian Anugerah Hubungan Pelabur (IR) Malaysia 2012 Persatuan Hubungan Pelabur-Pelabur Malaysia (MIRA) di sini kelmarin.

Ranjit berkata lembaga pengarah perlu bertindak dengan segera bagi menangkis sebarang kesilapan maklumat yang timbul dari khabar angin dan spekulasi.-Bernama